


TAHUKAH ANDA



@ FENOMENA PASANG SURUT



Kejadian pasang surut laut, atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai "tides," adalah fenomena tarikan graviti Bulan dan Matahari terhadap air laut, serta putaran Bumi. Matahari juga mempengaruhi pasang surut, walaupun kesannya tidak sekuat Bulan kerana jaraknya yang jauh. Semasa bulan purnama dan bulan baru, tarikan graviti Bulan dan Matahari sejajar, menghasilkan pasang surut yang lebih tinggi (spring tide). Sebaliknya, pada bulan separuh (quarter moon), pasang surut menjadi kurang ketara (neap tide).